## Hukum al-qard al-hasan

# Hukum melaksanakan qard hasan adalah **sunat** berdasarkan hadith Rasulullah SAW dan ijma' para fuqaha'

#**Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud, Rasulullah SAW telah bersabda**: "Sesiapa daripada kalangan muslin yang memberi pinjaman kepada muslim yang lain sebanyak dua kali, ganjarannya seperti melakukan sedekah sekali".

#Prinsip utama yang mendasari akad qard iaitu *ta'awun* iaitu saling bantu membantu di kalangan sesama insan untuk meringankan beban.

## Bantuan kepada asnaf al-gharimin

| | |
|---|---|
| ~Institusi zakat begitu signifikan bagi mewujudkan keseimbangan dalm aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat iaitu golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik. | ~Proses agihan ialah golongan ini terpaksa berhutang atas faktor-faktor memenuhi keperluan asas kehidupan. |

## Bantuan kepada asnaf al-gharimin (cont)

| | |
|---|---|
| **Sebagai contoh:** Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui Bahagian Baitulmal setiap tahun telah mengkhususkan sejumlah peruntukan bagi membebaskan asnaf al-gharimin daripada belenggu hutang. | **Sebagai contoh:**-membeli makanan, bagi tujuan perubatan, pembelian barang-barang asasi selepas ditimpa musibah seperti kebakaran. |

## Pandangan Islam Mengenai Amalan Berhutang

- Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan.

## Konsep Pinjaman Dalam Islam

| Al-'ariyah | Al-qard |
|---|---|
| Pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barangan atau harta untuk memberi pinjaman ke bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma. | Pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan,-sukatan atau timbangan. |

## Rukun al-Qard

1.**Pemiutang (Orang yang memberikan pinjaman)**

~~ Boleh menguruskan harta, berurus niaga (*ahliyyah al-mu'-amalah*) dan memiliki harta dan tiada unsur paksaan (redha).

2.**Penghutang/peminjam**

~~ Bukan seorang yang gila atau kanak-kanak dan tiada unsur paksaan (redha) yang mampu untuk membayar balik pinjaman yang telah dilakukan.

3.**Barang yang disimpan**

>Fuqaha' berselisih pendapat tentang barang-barang yang sah untuk diberi pinjam atau hutang.

>Fuqaha' mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali mengatakan **HARUS** diberi hutang bagi barang-barang yang boleh disukat atau ditimbang seperti emas dan makanan termasuk barang-barang qimiy.

## Al-qard al-hasan (penjana sosio ekonomi ummah)

| | |
|---|---|
| #Skim pembiayaan secara mikrok-redit dilihat dapat membantu proses penjanaan pendapatan secara tetap kepada golongan yang berpotensi. | #Pelaksanaan pinjaman ini tidak mengenakan faedah ke atas pinjaman, pemantauan yang berterusan oleh pihak yang berkenaan. |

## Al-qard al-hasan (penjana sosio ekonomi ummah) (cont)

| | |
|---|---|
| #Skim Al-rahnu ialah transaksi pemberian kemudahan pinjaman wang untuk menggadai (al-rahin) akan meletakkan barang gadaian (al-marhun) yang bernilai seperti **Emas**. | #Institusi kewangan dan koperasi di Malaysia yang menawarkan skim pinjaman kewangan dan pembiayaan untuk menunaikan haji atau umrah meskipun tidak semua pinjaman tersebut adalah berlandaskan kepada prinsip qard hasan. |

## Definisi Al- Qard

>Dari segi **bahasa** bermaksud *al-qat'u* (potong)

>Dari segi **Istilah** bermaksud penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.

**Al-Qard dikategorikan sebagai akad tabarru'** iaitu kontrak yang berteraskan kepada konsep kebajikan.

## Larangan Riba' (Surah Al-Baqarah: 278)

"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa Riba' (yang belum dipungut) jika kamu orang-oarang yang beriman. (278)



Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
https://apollopad.com

## Objektif pelaksanaan al-Qard al-Hasan

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. Membantu golongan yang memerlukan. | 3. Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan umat islam. | 5. Menyediakan ruang, peluang dan kemudahan kepada golongan yang berpendapatan rendah- untuk menceburi dalam bidang sektor perniagaan. | 7. Salah satu wasilah da'wah kepada golongan bukan Islam mengenai kesyumulan dan keindahan Islam dengan memberikan bantuan pinjaman kewangan secara *qard hasan*. |

## Objektif pelaksanaan al-Qard al-Hasan (cont)

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin melalui pengagihan kekayaan dan sumber dalam masyarakat. | 4. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi dalam masyarakat. | 6. Menghapuskan diskriminikasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat. | 8. Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat. |

## Prinsip Al-Qard al- hasan

~ Sebarai tambahan nilai atau lebihan daripada jumlah pinjaman yang asal adalah dianggap sebagai riba'.

~ Islam hanya membenarkan transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba' dan mengutamakan kebajikan dan keadilan sosial(*al-qard al- hasan*).

~ *Al-qard al-hasan* bermaksud pinjaman yang baik.

~ Ia manifestasi keprihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya dalam kesempitan.

## Prinsip-prinsip umum ketika berhutang

| | |
|---|---|
| - Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan pihak yang berkontrak khususnya penghutang menyedari komitmen untuk membayar kembali hutang tersebut. | - Tidak boleh mengatakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan ke atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang. |
| - Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh sebagaimana yang telah dijanjikan. | -Kepentingan menyelesaikan semua hutang turut disyariatkan dalam pewarisan. |

## Gejala ceti haram

~~Kegiatan ceti haram atau ah long secara jelas bertentangan dengan ajaran Islam kerana perkhidmatan pinjaman kewangan yang ditawarkan mengandungi unsur riba' dengan mengenakan bayaran bunga atau faedah.



Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
https://apollopad.com